


KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 08 MEI 2014 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Siap sedia berdepan El Nino	Berita Harian
2.	Bersedia hadapi El Nino	Utusan Malaysia
3.	Ramalan kemarau enam bulan	Harian Metro
4.	AMARAN!El Nino bakal kemaraukan Malaysia	Kosmo
5.	Gempa bumi kuat landa Kepulauan Solomon	Bernamea.com
6.	Perbetul sikap untuk tangani krisis air	Bernamea.com
7.	Thumbs up to S'gor water supply	The Sun
8.	Water from mining ponds safe, sats Selangor govt	The Malay Mail
9.	Dapat air terawat, bukan mentah	Sinar Harian
10.	CUEPACS kecewa laporan produktiviti penjawat awam	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 08 MEI 2014 (KHAMIS)

Fenomena El-Nino bakal menyebabkan Malaysia kemarau 6 bulan



"Walaupun keadaan El Nino dijangka berkaitan dengan Monsun Barat Daya yang lebih kering, namun setakat ini pusat penyelidikan meteorologi di UK, masih belum mengenal pasti kekuatan El Nino yang akan melanda Malaysia," katanya.

Beliau berkata, AWER menghon kerjasama Pejabat Kaji Cuaca UK untuk mendapatkan pandangan alternatif mengenai kemungkinan berlakunya El Nino di Asia Tenggara dan kesannya kepada iklim Semenanjung Malaysia.

Mengulas kesan yang dialami, jika El Nino melanda negara ini, Piarapakaran meramalkan, ia akan menjejaskan bekalan air dengan teruk.

Contohnya, jika paras air di Empangan Sungai Selangor tidak mencapai kapasiti selamat iaitu 55 peratus, Piarapakaran berkata, ia boleh menyebabkan kesan negatif yang lebih buruk menjelang pertengahan tahun ini.

"Jika ukuran kekuatan El Nino di tahap yang kuat, ia boleh menyebabkan kekeringan yang teruk, iaitu 60 peratus daripada pengguna di Selangor dan Kuala Lumpur, akan menghadapi situasi lebih buruk berbanding catuan air yang mereka alami dalam tempoh dua bulan lalu," katanya.

Nampak tanda-tanda awal

Sementara itu, Pengarah Institut Pengurusan Alam Sekitar dan Sumber Air, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr Abdull Rahim Mohd Yusoff, berkata El Nino biasanya berlaku setiap dua hingga empat tahun sekali.

Beliau berkata, ukuran kekuatan El Nino di tahap yang kuat, boleh menyebabkan kekurangan air dan bekalan makanan akibat musim kemarau melampau. Katanya, tanda-tanda awal El Nino sudah dapat dilihat berdasarkan statistik taburan hujan yang kurang daripada normal sejak kebelakangan ini.

"Bibit-bibit El Nino sudah mula kelihatan mulai awal tahun ini yang menyaksikan taburan hujan amat sedikit daripada biasa, kurang daripada 50 milimeter bagi sesetengah tempat.


"Jika benar, El Nino akan melanda Malaysia, seharusnya pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan bekalan air bersedia lebih awal bagi menghadapi fenomena itu," katanya.

Malaysia pernah mengalami fenomena ini pada 1998, di mana suhu tertinggi iaitu 40.1 darjah Celsius direkodkan di Stesen Meteorologi Chuping, Perlis pada 9 April 1998.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi mengesahkan ada paman-tauan ramalan fenomena El Nino yang dilaksanakan WMO Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Datuk Che Yah Ismail, ketika dihubungi berkata, setakat ini laporan yang diterima pada 15 April, ialah berlakunya pemanasan suhu permukaan laut di Lautan Pasifik sepanjang Januari sehingga April.

BERNAMA



Siap sedia berdepan El Nino

» Malaysia ada kemungkinan hadapi kemarau berpanjangan selama 6 bulan

■ Kuala Lumpur

Pejabat Kaji Cuaca United Kingdom meramalkan kemungkinan besar fenomena El Nino, yang mengakibatkan peningkatan suhu dan taburan hujan, akan melanda rantau Asia Tenggara, pertengahan tahun ini.

Pakar kaji cuaca tempatan belum dapat memastikan sama ada Malaysia akan terkena tempas El Nino pada kali ini, namun jika berlaku, kemungkinannya negara mengalami musim kemarau ber-

panjangan selama enam bulan.

Elak krisis bekalan air

Bagaimanapun, mereka mengingatkan pihak berkuasa, terutama yang berkaitan pengurusan bekalan air, supaya membuat persediaan awal menghadapi kesan El Nino bagi mengelakkan krisis bekalan air yang serius.

El Nino adalah fenomena pemanasan suhu permukaan laut yang berlaku dalam tempoh enam bulan berturut-turut, setiap dua hingga empat tahun di timur Lautan Pasifik.

Ia boleh menyebabkan rantaian perubahan iklim berlaku di seluruh dunia. Antara kesannya hujan lebat di sesetengah kawasan, sementara kawasan lain mengalami kemarau panjang.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia

"Kebarangkalian 70 peratus yang disebut bukan hanya berasaskan model sahaja, tetapi menggabungkan maklumat dan kepakaran dari pusat (WMO) di seluruh dunia"

S Piarapakaran,
Presiden AWER



(AWER), S Piarapakaran, berkata penyelidikan institusi itu yang menggunakan model ramalan dinamik ENSO (El-Nino Ayunan Selatan), meramalkan kebarangkalian El Nino berlaku di Asia Tenggara sebanyak 70 peratus.

"Kebarangkalian 70 peratus yang disebut bukan hanya berasaskan model sahaja, tetapi menggabungkan maklumat dan kepakaran dari pusat Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO) di seluruh dunia.

Pihak berkuasa bekalan air diminta elak krisis serius

Bersedia hadapi El Nino

KUALA LUMPUR 7 Mei - Pejabat Kaji Cuaca United Kingdom (UK) meramalkan kemungkinan besar fenomena El Nino, yang mengakibatkan peningkatan suhu dan taburan hujan, akan melanda rantau Asia Tenggara pertengahan tahun ini.

Pakar-pakar kaji cuaca tempatan belum dapat memastikan bahawa Malaysia akan mendapat tempas El Nino pada kali ini namun jika ia berlaku, kemungkinannya ialah Malaysia akan menghadapi keadaan musim kemarau berpanjangan selama enam bulan mulai pertengahan tahun ini.

Bagaimanapun, mereka mengingatkan pihak berkuasa, terutamanya yang berkaitan pengurusan bekalan air supaya membuat persediaan awal menghadapi fenomena El Nino itu bagi mengelakkan krisis bekalan air yang serius.

El Nino adalah fenomena pemanasan suhu permukaan laut yang berlaku dalam tempoh enam bulan berturut-turut setiap dua hingga

empat tahun di timur Lautan Pasifik.

Ia boleh menyebabkan rantaian perubahan iklim berlaku di seluruh dunia dan antara kesannya ialah hujan lebat di sesetengah kawasan sementara di kawasan lain, berlaku kemarau berpanjangan.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) S. Piarapakaran berkata, hasil penyelidikan institusi itu yang menggunakan model ramalan dinamik ENSO (El-Nino Ayunan Selatan) ialah mereka meramalkan kebarangkalian 70 peratus 'El Nino' akan berlaku di Asia Tenggara.

"Kebarangkalian 70 peratus yang disebut bukan hanya berasaskan kepada model mereka sahaja tetapi menggabungkan maklumat dan kepakaran dari pusat-pusat Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO) di seluruh dunia.

"Walaupun keadaan El Nino dijangka berkaitan dengan monsun barat daya yang lebih kering namun

setakat ini pusat penyelidikan meteorologi di UK masih belum mengenal pasti kekuatan El Nino yang akan melanda Malaysia," katanya.

Beliau berkata, AWER telah memohon kerjasama daripada Pejabat Kaji Cuaca UK untuk mendapatkan pandangan alternatif mengenai kemungkinan berlakunya El Nino di rantau Asia Tenggara dan kesannya kepada iklim Semenanjung Malaysia.

Ditanya mengenai kesan yang akan berlaku kepada Malaysia jika El Nino melanda negara ini, Piarapakaran me-ramalkan bahawa ia akan menjejaskan dengan teruk keadaan bekalan air negara.

Contohnya, jika paras air di empangan Sungai Selangor tidak mencapai kapasiti selamat iaitu 55 peratus, Piarapakaran berkata ia boleh menyebabkan kesan negatif yang lebih buruk menje-ling pertengahan tahun ini.

"Jika ukuran kekuatan El Nino di tahap yang kuat, ia boleh me-

nyebabkan kekeringan yang teruk, iaitu 60 peratus daripada pengguna di Selangor dan Kuala Lumpur akan menghadapi situasi yang lebih buruk berbanding catuan air yang mereka telah alami dalam tempoh dua bulan yang lalu," katanya.

Sementara itu, Pengarah Institut Pengurusan Alam Sekitar dan Sumber Air, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr. Abdull Rahim Mohd. Yusoff berkata, El Nino biasanya berlaku setiap dua hingga empat tahun sekali.

Menurutnya, ukuran kekuatan El Nino di tahap yang kuat, boleh menyebabkan kekurangan air dan bekalan makanan akibat dari musim kemarau melampau dan antara tanda-tanda awal El Nino yang sudah dapat dilihat adalah statistik taburan hujan yang kurang daripada normal sejak kebelakangan ini.

"Bibit-bibit El Nino sudah mula kelihatan pada awal tahun ini yang mana menyaksikan taburan hujan yang amat sedikit daripada biasa,

kurang daripada 50mm bagi sesetengah tempat.

"Jika benar El Nino akan melanda Malaysia, seharusnya pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan bekalan air mesti lebih bersedia lebih awal dalam menghadapi fenomena itu," katanya.

Malaysia pernah mengalami fenomena ini pada 1998, di mana suhu tertinggi iaitu 40.1 darjah Celsius direkodkan di Stesen Meteorologi Chuping, Perlis pada 9 April 1998.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi mengesahkan ada pemanasan ramalan fenomena El Nino yang dilaksanakan oleh WMO Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, **Datuk Che Gayah Ismail** yang dihubungi berkata, setakat ini laporan yang diterima pada 15 April, ialah berlakunya pemanasan suhu permukaan laut di Lautan Pasifik sepanjang Januari sehingga April.

- BERNAMA

Ramalan kemarau enam bulan

Pejabat Kaji Cuaca UK ramal fenomena El Nino landa semula Asia Tenggara

Kuala Lumpur

Pejabat Kaji Cuaca United Kingdom meramalkan kemungkinan besar fenomena El Nino, yang mengakibatkan peningkatan suhu dan taburan hujan, akan melanda rantau Asia Tenggara pertengahan tahun ini.

Pakar kaji cuaca tempatan belum dapat memastikan bahawa Malaysia akan mendapat tempas El Nino pada kali ini, namun jika ia berlaku, kemungkinannya ialah Malaysia menghadapi keadaan musim kemarau berpanjangan enam bulan mulai pertengahan tahun ini.

Bagaimanapun, mereka mengingatkan pihak berkuasa terutamanya pengurusan bekalan air supaya membuat persediaan awal menghadapi fenomena El Nino itu bagi mengelakkan krisis bekalan air yang serius.

Pusat penyelidikan meteorologi di UK masih belum mengenal pasti kekuatan El Nino yang akan melanda Malaysia”

Pirapakaran

El Nino adalah fenomena pemanasan suhu permukaan laut yang berlaku enam bulan berturut-turut setiap dua hingga empat tahun di timur Lautan Pasifik.

Ia boleh menyebabkan rangkaian perubahan iklim di seluruh dunia dan antara kesannya hujan lebat di sesetengah kawasan sementara di kawasan lain berlaku kemarau berpanjangan.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) S. Piara-

pakaran berkata, hasil penyelidikan institusi itu yang menggunakan model ramalan dinamik ENSO (El-Nino Ayunan Selatan), ialah mereka meramalkan kebarangkalian 70 peratus ‘El Nino’ berlaku di Asia Tenggara.

Kebarangkalian 70 peratus yang disebut bukan hanya berasaskan kepada model mereka saja, tetapi menggabungkan maklumat dan kepakaran dari pusat Pusat Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO) di seluruh dunia.

“Walaupun keadaan El Nino dijangka berkaitan dengan monsun barat daya yang lebih kering, namun setakat ini pusat penyelidikan meteorologi di UK masih belum mengenal pasti kekuatan El Nino yang akan melanda Malaysia,” katanya.

Beliau berkata, AWER memohon kerjasama Peja-

bat Kaji Cuaca UK untuk mendapatkan pandangan alternatif mengenai kemungkinan berlakunya El Nino di rantau Asia Tenggara dan kesannya kepada iklim Semenanjung Malaysia.

Ditanya mengenai kesan kepada Malaysia jika El Nino melanda negara ini, Piara-pakaran meramalkan bahawa ia akan menjejaskan keadaan bekalan air negara.

Contohnya jika paras air di empangan Sungai Selangor tidak mencapai kapasiti selamat iaitu 55 peratus, Piara-pakaran berkata, ia boleh menyebabkan kesan negatif lebih buruk.

“Jika ukuran kekuatan El Nino di tahap yang kuat, ia boleh menyebabkan kekeirangan yang teruk, iaitu 60 peratus daripada pengguna di Selangor dan Kuala Lumpur akan menghadapi situasi yang lebih buruk berbanding catuan air yang mereka

alami dalam tempoh dua bulan lalu,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Institut Pengurusan Alam Sekitar dan Sumber Air, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr Abdull Rahim Mohd Yusoff berkata, El Nino biasanya berlaku setiap dua hingga empat tahun sekali.

Prof Dr Abdull Rahim berkata, ukuran kekuatan El Nino di tahap yang kuat boleh menyebabkan kekurangan air dan bekalan makanan akibat daripada musim kemarau melampau dan antara tanda awal El Nino yang dapat dilihat adalah statistik taburan hujan yang kurang daripada normal sejak kebelakangan ini.

“Bibit-bibit El Nino sudah mula kelihatan pada awal tahun ini yang mana menyaksikan taburan hujan yang amat sedikit daripada biasa, kurang daripada 50mm bagi

sesetengah tempat. “Jika benar El Nino melanda Malaysia, seharusnya pihak bertanggungjawab menguruskan bekalan air mesti bersedia menghadapi fenomena itu,” katanya.

Malaysia pernah mengalami fenomena ini pada 1998, di mana suhu tertinggi iaitu 40.1 darjah Celsius direkodkan di Stesen Meteorologi Chuping, Perlis pada 9 April 1998.


Sementara itu, Jabatan Meteorologi mengesahkan ada pemantauan ramalan fenomena El Nino dilaksanakan Organisasi Meteorologi Sedunia (WMO).

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Datuk Che Gayah Ismail yang dihubungi berkata, setakat ini laporan diterima 15 April ialah berlakunya pemanasan suhu permukaan laut di Lautan Pasifik sepanjang Januari sehingga April. BERNAMA

AMARAN!

El Nino bakal kemaraukan Malaysia

SUNGAI Sarawak surut teruk ekoran fenomena El Nino yang melanda negara pada Ogos 2009. Banyak saintis bimbang gejala itu berulang memandangkan fenomena El Nino dijangka melanda Malaysia beberapa minggu lagi. – Gambar hiasan



Pakar-pakar ramal Malaysia akan hadapi kemarau panjang selama enam bulan

FENOMENA El Nino yang mengakibatkan peningkatan suhu melampau serta menjejaskan taburan hujan dijangka melanda rantau Asia Tenggara pada pertengahan tahun ini.

Pejabat Kaji Cuaca United Kingdom memberitahu, jika fenomena itu berlaku, Malaysia berkemungkinan akan menghadapi keadaan musim kemarau berpanjangan selama enam bulan mulai Jun ini.

Hasil penyelidikan Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia yang menggunakan model ramalan dinamik El-Nino Ayunan Selatan meramalkan kebarangkalian El Nino untuk berlaku di Asia Tenggara ialah kira-kira 70 peratus.

El Nino adalah fenomena pemanasan suhu permukaan laut yang berlaku dalam tempoh enam bulan berturut-turut setiap dua hingga empat tahun di timur Lautan Pasifik.

El Nino diramal landa Malaysia mulai Jun ini

KUALA LUMPUR - Pejabat Kaji Cuaca United Kingdom (UK) meramalkan kemungkinan besar fenomena El Nino yang mengakibatkan peningkatan suhu dan taburan hujan akan melanda rantau Asia Tenggara pertengahan tahun ini.

Pakar-pakar kaji cuaca tempatan belum dapat memastikan bahawa Malaysia akan mendapat tempas El Nino pada kali ini, namun jika ia berlaku kemungkinannya ialah Malaysia akan menghadapi keadaan musim kemarau berpanjangan selama enam bulan mulai pertengahan tahun ini.

Bagaimanapun, mereka mengingatkan pihak berkuasa terutamanya yang berkaitan pengurusan bekalan air supaya membuat persediaan awal menghadapi fenomena El Nino itu bagi mengelakkan krisis bekalan air yang serius.

El Nino adalah fenomena pemanasan suhu permukaan laut yang berlaku dalam tempoh enam bulan berturut-turut setiap dua hingga empat tahun di timur Lautan Pasifik.


Ini boleh menyebabkan rantaian perubahan iklim berlaku di seluruh dunia dan antara kesannya ialah hujan lebat di sesetengah kawasan sementara di kawasan lain berlaku kemarau berpanjangan.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (Awer), S. Piarapakan berkata, hasil penyelidikan institusi itu yang menggunakan model ramalan dinamik ENSO (El-Nino Ayunan Selatan) ialah mereka meramalkan kebarangkalian 70 peratus 'El Nino' akan berlaku di Asia Tenggara.

"Kebarangkalian 70 peratus yang disebut bukan hanya berasaskan kepada model mereka tetapi menggabungkan maklumat dan kepakaran dari pusat-pusat Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO) di seluruh dunia.

"Walaupun keadaan El Nino dijangka berkaitan dengan Monsun Barat Daya yang lebih kering, namun setakat ini pusat penyelidikan meteorologi di UK masih belum mengenal pasti kekuatan El Nino yang akan melanda Malaysia," katanya di sini.

Beliau berkata, Awer telah memohon



SEBAHAGIAN bot penambang tersadai dan penumpang terpaksa menunggukan perjalanan akibat kemarau di Hulu Tembeling, Jerantut pada 2010.

kerjasama daripada Pejabat Kaji Cuaca UK untuk mendapatkan pandangan alternatif mengenai kemungkinan berlakunya El Nino di rantau Asia Tenggara dan kesannya kepada iklim Semenanjung Malaysia.

Ditanya mengenai kesan yang akan berlaku kepada Malaysia jika El Nino melanda negara ini, Piarapakan me-

ramalkan bahawa ia akan menjejaskan dengan teruk keadaan bekalan air negara.

Contohnya, jika paras air di Empangan Sungai Selangor tidak mencapai kapasiti selamat iaitu 55 peratus, Piarapakan berkata, ia boleh menyebabkan kesan negatif yang lebih buruk menjelang pertengahan tahun ini. - Bernama

INFO Fenomena El Nino

- Terjadi apabila arus laut panas menggantikan arus laut sejuk di luar pantai Peru, Amerika Selatan sehingga menyebabkan peningkatan haba dan kesan dirasakan di banyak negara termasuk di Asia Tenggara
- Pertembungan arus laut itu menyebabkan udara terpeluwap dan membentuk ribut petir dan hujan lebat di barat Pasifik termasuk di Malaysia selain cuaca boleh bertukar menjadi lebih kering
- Menjadi faktor rantaian perubahan iklim berlaku di seluruh dunia
- Menyebabkan kemarau semasa Monsun Barat Daya (Jun-Ogos) dan Monsun Timur Laut (November-Februari) di Sabah dan Sarawak, manakala Semenanjung pada musim Monsun Barat Daya
- Cuaca panas juga meningkatkan kes penyakit sensitif iklim seperti taun, demam denggi, batuk, selesema dan malaria
- Malaysia pernah dilanda El Nino sebanyak 12 kali antara 1951 hingga 1998 dengan kejadian terburuk pada 1982, 1983, 1997 dan 1998
- Pada 1998 suhu tertinggi mencecah 40.1 darjah Celsius direkodkan di Stesen Meteorologi Chuping, Perlis pada 9 April 1998
- Krisis bekalan air di Lembah Klang dan masalah jerebu menjadi isu besar pada tahun 1998

Sumber: Laman web Jabatan Meteorologi Malaysia

Suhu panas melampau boleh jejas kesihatan

Oleh **KHAIRI MOHAMAD**
khairi.mohamad@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Fenomena El Nino boleh menjadi ancaman terhadap kesihatan manusia kerana ia boleh melemahkan sistem badan dan akan mengakibatkan seseorang mudah terkena demam dengan suhu badan melampau.

Pengarah Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian, Kelantan, Prof. Datuk Dr. Mafauzy Mohamed (gambar kecil) memberitahu, demam panas dengan peningkatan suhu sehingga 40 darjah Celsius boleh menyebabkan kesan yang lebih ekstrem termasuk kematian.

"Anak-anak kecil dan warga emas me-



rupakan mereka yang paling berisiko dan memerlukan penjagaan yang rapi ketika berdepan fenomena El Nino ini kerana daya tahan tubuh mereka lebih rendah berbanding orang dewasa.

"Kanak-kanak yang diserang demam panas dengan suhu terlalu tinggi dan naik mendadak meningkatkan risiko berlakunya sawan.

"Lebih teruk, ia menyebabkan otak terencat atau kematian akibat salur udara pesakit tersumbat ketika sawan berlaku," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurut Mafauzy, penghidap penyakit buah pinggang turut berisiko kerana kekurangan air di dalam badan akan menyebabkan kerosakan buah pinggang

mereka menjadi lebih teruk dan pesakit tersebut perlu memastikan jumlah air di dalam badan mereka sentiasa mencukupi.

Jelas beliau, keadaan panas yang melampau dengan persekitaran yang kering juga memudahkan merebaknya penyakit seperti batuk dan selesema, malah mereka yang menghidap lelah juga memerlukan penjagaan lebih rapi untuk mengelak kesan yang lebih teruk.

"Selain itu, masyarakat juga perlu lebih prihatin terutama memastikan sumber minuman mereka dalam keadaan bersih bagi mengelakkan wabak penyakit seperti taun.

"Amalan meminum air dengan jumlah yang lebih berbanding biasa mampu untuk meningkatkan daya tahan badan dalam melawan fenomena El Nino," ujarnya.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 08 MEI 2014 (KHAMIS)



Gempa Bumi Kuat Landa Kepulauan Solomon

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Satu gempa bumi kuat dengan magnitud 6.2 pada skala Richter melanda Kepulauan Solomon pada 12.20 tengah hari pada Rabu.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) hari ini, gempa bumi itu berpusat di 118 km barat daya Arawa, Papua New Guinea dan 4,220 km tenggara Semporna, Sabah.

Gempa itu tidak menimbulkan sebarang ancaman tsunami, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA



Perbetul Sikap Untuk Tangani Krisis Air

Oleh Melati Mohd Ariff

KUALA LUMPUR (Bernama) -- Walaupun catuan air sudah ditarik balik, ini bukan bermakna krisis air yang melanda Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya sejak dua bulan lepas sudah berakhir.

Memang penduduk di kawasan berkenaan boleh menarik nafas lega tetapi masih tiada jaminan yang bekalan air tidak akan terganggu lagi.

Jabatan Meteorologi sudah mengingatkan pengguna bahawa cuaca kering dijangka bermula semula pada pertengahan Mei untuk tempoh kira-kira lima bulan akan datang berikutan musim monsun barat daya.

Tambahan, setakat artikel ini ditulis, tujuh empangan yang menjadi nadi penyalur bekalan air mentah di Selangor dilaporkan masih di bawah paras normal di sebalik usaha pembenihan awam dan hujan.

Empangan-empangan berkenaan ialah Batu, Klang Gate, Langat, Semenyih, Sungai Selangor, Sungai Tinggi dan Tasik Subang.

MUDAH LUPA

Kalau hendak diikutkan, cuaca panas dan kemarau bukan perkara baru di Malaysia.

Fenomena alam ini adalah sebahagian daripada iklim negara kita yang terletak di garisan Khatulistiwa dengan cuaca panas dan lembab sepanjang tahun.

Begitu juga dengan gangguan atau catuan bekalan air berulang kali memandangkan negara ini pernah dilanda krisis air melampau khususnya sekitar tahun 1997-1998.

Cuma sikap kebanyakan rakyat negara ini yang bukan sahaja mudah lupa tetapi juga pembazir.

Langkah kerajaan negeri Selangor memberi bekalan air percuma bagi 20 meter padu pertama juga dilihat sebagai tidak membantu membendung sikap membazir air.

"Kita tidak belajar daripada krisis lampau. Masyarakat Malaysia pelupa, atau mudah melupakan pengalaman buruk yang pernah menimpa mereka," ini pandangan Prof Dr Chan Ngai Weng, Presiden, Persatuan Pengamatan Air Pulau Pinang apabila ditanya mengenai isu krisis dan catuan air.

Menurut beliau, sikap membazir air rakyat Malaysia boleh dilihat dari segi penggunaan iaitu kira-kira 212 liter seorang sehari (LPD) berbanding piawaian antarabangsa, kira-kira 165 LPD.

Penggunaan air rakyat Singapura sekitar 150 LPD sementara di India dan Afrika, masing-masing 100 LPD dan 50 LPD.

"Kita ini masyarakat pembazir air. Kita perlu beransur-ansur menukar imej ini kepada masyarakat penjimat air," Chan yang juga Profesor di Jabatan Ilmu Alam, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang memberitahu Bernama.

Masyarakat di negara ini tidak mengambil berat tentang air sebagaimana mereka memberi perhatian kepada wang pendapatan, pendidikan dan kesihatan.

"Kita fikir alam sekitar termasuk air adalah tanggungjawab kerajaan, bukan tanggungjawab kita, justeru, kita buat tak endah soal pemuliharaan air," tambahnya.

Dengan jumlah hujan yang banyak setahun, memang pelik apabila Malaysia terpaksa berdepan dengan krisis bekalan air sehingga memaksa perlaksanaan catuan bekalan.

"Kelemahan pengurusan air, itu yang saya boleh katakan. Tak ada alasan untuk negara kita yang mempunyai 3,000mm hujan setahun terpaksa berdepan dengan catuan air.

"Dari sudut semula jadi, kita ada banyak hujan, sumber air dan sungai tetapi kita tidak ada model dan sistem pengurusan air yang betul. Politik juga memburukkan keadaan," tegas Chan.

EMPAT KATEGORI

Masih mengenai pembaziran air, Bernama turut mendapatkan pandangan S.Piarapakaran, Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) berhubung isu ini.

Beliau pula membahagikan isu pembaziran air ini kepada empat kategori iaitu pengurusan sumber air, kehilangan air terawat, penggunaan air terawat dan penggunaan semula air sisa.

Menjelaskan kegagalan mengurus sumber air, Piarapakaran memberitahu penulis, Malaysia mempunyai jumlah air permukaan yang lebih daripada apa yang diperlukan.

"Air permukaan ialah air yang mengalir atau statik di atas permukaan bumi seperti sungai dan tasik.

"Pencemaran dan kegagalan untuk melindungi sumber air serta kawasan tadahan menjadi punca asas kepada krisis air yang berlaku," jelasnya.

Dalam hal ini, tanggungjawab mentadbir urus sumber air terletak kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan kerajaan negeri dan pihak berkenaan perlu memainkan peranan masing-masing.

AIR TERAWAT

Menjelaskan kehilangan air terawat, beliau yang juga seorang aktivis alam sekitar berkata, ia melibatkan air tidak terhasil atau non-revenue water (NRW).

Memetik perangkaan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), NRW kebangsaan pada 2012 adalah sekitar 36.4 peratus.

Piarapakaran berkata, ianya bererti hanya 63.6 peratus air terawat sampai kepada pengguna dan memberi pulangan kewangan kepada syarikat air.

"Jika kita dapat kurangkan nilai NRW, walaupun hanya satu pertiga daripada kadar sekarang dalam tempoh lima tahun akan datang, ini boleh meningkatkan tambahan 12.1 peratus kapasiti pembekalan air kepada pengguna tanpa perlu membina loji perawatan air yang baru," tambahnya.

PENGUNAAN AIR TERAWAT

Piarapakaran menyarankan usaha dibuat untuk penggunaan air terawat yang lebih cekap.

AWER, katanya, mengambil inisiatif melancarkan peranti (device) "Tangkap si Hydro" (Catch d'Hydro) di www.water.org.my.

Ia untuk membantu pengguna domestik menjadi lebih cekap air di samping cadangan melabel peralatan.

Jelasnya, sebagai permulaan, pelabelan kecekapan air secara sukarela disarankan untuk mesin basuh, mesin pencuci pinggan-mangkuk, penyiram mandi, kepala paip dan penyiram tandas.

Pelabelan ini akan membantu pengguna memastikan peralatan yang dibeli adalah cekap dalam penggunaan air.

Contohnya, terdapat kepala paip di pasaran yang boleh mengurangkan penggunaan air hampir 50 peratus.

"Ini membantu pengguna menjadi lebih cekap air," tambahnya.

AWER menyarankan pelabelan itu dijadikan mandatori dalam masa dua tahun dengan pelaksanaan Piawaian Minimum Kecekapan Air seperti yang dicadangkan oleh pihak AWER.

KITAR SEMULA

Kitar semula lazimnya dikaitkan dengan barangan kertas, kaca atau plastik tetapi air?

Bagi Piarapakaran, air sisa juga boleh dikitar semula memandangkan bukan semua aktiviti industri memerlukan air terawat dengan kualiti air minuman.

Beliau memberi contoh, air sisa kumbahan yang dirawat boleh digunakan untuk tujuan penyejukan mesin, proses yang tidak melibatkan penyediaan makanan, menyiram taman dan tumbuhan di bawah penjagaan kerajaan tempatan.

"Paip khusus boleh disambung ke kawasan yang mempunyai permintaan tinggi. Lori tangki untuk menyiram tumbuhan di bawah penjagaan kerajaan tempatan dapat juga mengambil air di kitar semula dari loji kumbahan dengan mudah.

"Perkara ini juga tertakluk di bawah bidang kuasa SPAN. Dalam situasi sekarang di Lembah Klang, air sisa kumbahan boleh diolah untuk menjadi sumber air terawat bagi kegunaan industri dengan kadar segera," katanya.

-- BERNAMA

Thumbs up to S'gor water supply

> Subra: It's safe for consumption and contains no hazardous material

BY AIEZAT FADZELL AND LEE CHOON FAI
newsdesk@thesundaily.com

PUTRAJAYA: Water supplied to consumers in Selangor is safe for consumption and does not contain any hazardous material, assures Health Minister Datuk Seri Dr S. Subramaniam.

He said the ministry continuously monitors the safety of water at all treatment plants in Selangor especially with the recent drought.

"We will ensure that the water quality is in accordance with stipulated standards," he said at a press conference held at the ministry yesterday following allegations in an English daily that the water sourced from mining pools was not safe for consumption.

He said the ministry ensures water

supplied to consumers is free from all harmful organisms, chemical substances and radionuclides in amounts which could otherwise constitute a hazard to the health of consumers.

It is learnt that the ministry has set maximum acceptance levels of characteristics and constituents in raw water, which, if exceeded, will require special treatment which includes pre-sedimentation, pre-disinfection, activated carbon absorption, ion exchange, reverse osmosis



and electro dialysis.

Subramaniam said the ministry will also be monitoring raw water pumped from disused mining pools into Sungai Selangor after being treated.

Meanwhile, the Selangor government yesterday said raw water sourced from disused mining pools is not hazardous to health as it meets all required parameters.

State Youth and Sports, Infrastructure and Public Amenities Committee chairman Dr Ahmad Yunus Hairi said the analysis done by the **Chemistry Department (JKM)** found that the presence of heavy metal such as magnesium, nickel, and lead is below the permissible levels set by the Health Ministry.

Furthermore, he said the water pumped from mining pools undergoes several cleaning processes and is treated before being released into Sungai Selangor.

"The water sent to consumers is not raw water but treated water and thus it is safe for consumption," he said at a press conference held at the State Secretariat yesterday.

Refuting the English daily's report, he said

the water chemical content it analysed was different from the one done by the state government.

"There is a vast difference in the findings. In the complete water analysis report received by the Selangor Water Management Board (Luas), it showed that the mining water is safe to be used by consumers," he added.

Luas director Md Khairi Selamat said its own analysis showed that most of the mining pools from where water is being sourced to supplement raw water supply have lead content of 0.01 mg/l, which is significantly low.

He said samples from the Kambing Susu, KL-Larut, Hang Tuah 1, Hang Tuah 2, Rasa mining pools and Sungai Selangor were analysed on Friday by JKM and an accredited third party laboratory, ALS Technichem (M) Sdn Bhd.

He warned that Luas would not hesitate to act against any party which gives a false picture on the quality of water in former mining ponds in the state.



The Selangor government has assured the public that water pumped from former mining ponds into Sungai Selangor is not hazardous.

Water from mining ponds safe, says Selangor govt

By Aryton Soliano
aryton@mmail.com.my

HAH ALAM — Water being pumped from former mining ponds into Sungai Selangor is not hazardous and is safe for everyday use.

The state government, in refuting reports that water being pumped contained high amounts of metals above the safety limit, insisted that the public should not be alarmed over the water quality.

State executive councillor for youth, sports, infrastructure and public amenities, Ahmad Yunus Hairi said water from

mining pools underwent strict checks before it was released for public use.

He said this had been verified by the Selangor Water Management Board (LUAS) through a laboratory report on May 2.

"LUAS had sent water samples to the **Chemistry Department** on May 2 and the report revealed the level of iron, magnesium, nickel and lead content were at permissible levels," he said.

Commenting on a newspaper report yesterday which said the lead content at the Kambing Susu mining pool was 460 per cent above the safety limit, Ahmad Yunus said the LUAS report had confirmed that the readings had met the requirements set by the Health Ministry.

"The water from the ponds has to go through several processes and it also goes through strict quality checks before it is released to consumers," he said.

LUAS director Mohd Khairi Selamat said they had been testing the water quality at mining ponds in the state since 2011.

"Water from five mining ponds, namely Kambing Susu, KL-Larut, Hang Tuah 1, Hang Tuah 2 and Rasa, is tested on 27 parameters, including the metal and heavy metal categories," he said.

He said the findings showed the water passed the parameters for heavy metals as set by the ministry.

"Although some parameters were not met, the quantities of the elements were

small and could be overcome through the treatment process," he said.

Selangor Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim had announced last week that water from ponds would be channelled into Sungai Selangor after the water level at the dam reached a dangerous level following the drought.

He said the quality of the water sourced from the ponds was in accordance with the standards set by the Selangor Health Department.

Checks yesterday showed the water level at the Batu dam was 81.1 per cent, Klang Gates 61.02 per cent, Langat 53.33 per cent, Semenyih 77.65 per cent, Sungai Tinggi 65.57 per cent, and Tasik Subang 85.15 per cent.

Dapat air terawat, bukan mentah

Jabatan Kimia Malaysia sahkan air lombong telah diuji, nyata selamat digunakan rakyat Selangor

■ JANATUL FIRDAUS YAACOB

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri Selangor mengemukakan laporan sebuah akhbar berbahasa Inggeris tempatan yang mendakwa air bekas lombong dipamkan ke Sungai Selangor tidak selamat.

Exco Belia dan Sukan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, dakwaan akhbar berkenaan amat berbeza dengan laporan penuh Lembaga Urus Air Selangor (Luas) yang mendapati air bekas lombong itu selamat untuk pengguna.

Menurutnya, laporan yang diperolehi Luas adalah hasil sampel yang dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia pada 2 Mei lalu menunjukkan kandungan besi, magnesium, nikel dan plumbum di bawah paras yang dibenarkan Kementerian Kesihatan.

"Sebagai contoh, kandungan plumbum yang dilaporkan akhbar mendakwa terdapat 460 peratus le-

bih daripada had yang dibenarkan, sedangkan Jabatan Kimia mengesahkan kesemua bekas lombong yang digunakan mengandungi plumbum di bawah paras dibenarkan Kementerian Kesihatan," katanya pada sidang media, semalam.

Ahmad Yunus menjelaskan, air lombong ini dipamkan ke Sungai Selangor dan disalurkan ke Loji Pembersihan Air (LPA) Empangan Sungai Selangor.

Lalui beberapa proses rawatan

Katanya lagi, air berkenaan melalui beberapa proses rawatan untuk pembersihan dan diwajibkan melepasi pemeriksaan kualiti mengikut piawaian yang ditetapkan selepas disalurkan kepada pengguna.

Beliau menegaskan lagi bahawa kerajaan negeri mengesahkan air lombong yang disalurkan kepada pengguna di Lembah Klang adalah selamat untuk digunakan berdasarkan jaminan yang diberikan Luas.

INFO Maklumat empangan setakat semalam		
EMPANGAN	TAKUNGAN	HUJAN
BATU	81.01	0.00
KLANG GATES	61.02	0.00
LANGAT	55.33	0.00
SEMEYIH	77.65	0.00
SG. SELANGOR	40.99	0.00
SG. TINGGI	65.57	0.00
TASIK SUBANG	85.15	0.00

SUMBER: <http://wims.luas.gov.my/>

"Perlu diingatkan kepada pengguna bahawa air yang disalurkan ke paip-paip mereka bukan air mentah, tetapi air terawat yang melepasi beberapa proses rawatan.

"Kita tegaskan bahawa Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengutamakan keselamatan rakyat dan tidak akan sesekali berkompromi dengan isu-isu yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesejahteraan rakyat di Lembah Klang," katanya.

Luas akan ambil tindakan undang-undang

Dalam pada itu, Luas dengan tegas menyatakan pihaknya tidak teragak-agak mengambil tindakan undang-undang kepada mana-mana pihak secara sengaja atau tidak sengaja memberi gambaran yang salah terhadap kualiti air mentah dan air terawat.

Pengarahnya, Md Khairi Selamat berkata, pensampelan telah dijalankan pada 2 Mei lalu di lima kolam iaitu Kolam Kambing Susu, Kolam KL-Larut, Kolam Hang Tuah 1, Kolam Hang Tuah 2, Kolam Rasa dan sampel di Sungai Selangor.

"Sampel-sampel ini telah dihantar ke Jabatan Kesihatan dan makmal pihak ketiga yang mendapat akreditasi, iaitu ALS Techcam (M) Sdn Bhd," katanya.

Md Khairi menambah, sebanyak 27 parameter air lombong telah diuji yang merangkumi kategori fizikal, logam dan logam berat.

Jelasnya, hasil analisa menunjukkan parameter logam berat di dalam kolam tersebut mematuhi had piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

FAKTA Keputusan pensampelan kolam alternatif pada 2 Mei 2014

Bil	Parameter	Unit	Piawalan KKM	Kolam Hang Tuah (Kolam 1)		Sg. Selangor (Sebelum Pam)	
				JKM	ALS	JKM	ALS
KUMPULAN 1 (PHYSICAL)							
1.	Total Coliform	MPN/ 100ml	5000	68		>1600	
2.	E.Coli	MPN/ 100ml	5000	68		1600	
3.	Kekeruhan	ntu	1000		9		145
4.	pH		5.5 - 9.0		3.7		6.4
KUMPULAN 2 (METAL)							
5.	Total Dissolved Solid	mg/l	1500		59		61
6.	BOD	mg/l	6				
7.	COD	mg/l	10	<1	16	4	24
8.	Chloride	mg/l	250	2	3.2	4	1.1
9.	Ammoniakal Nitrogen	mg/l	1.5	0.09	1.3	0.48	0.09
10.	Iron/Ferum (Fe)	mg/l	1	0.11	0.56	0.94	0.05
11.	Fluoride	mg/l	1.5	<0.1	<0.1	0.1	<0.1
12.	Manganese (Mn)	mg/l	0.2	0.22	0.161	0.11	0.192
KUMPULAN 3 (HEAVY METAL)							
13.	Mercury (Hg)	mg/l	0.001	<0.001	<0.001	<0.001	<0.001
14.	Cadmium (Cd)	mg/l	0.003	<0.0002	<0.001	<0.0002	<0.001
15.	Selenium (Se)	mg/l	0.01	<0.001	<0.01	<0.001	<0.01
16.	Arsenic (As)	mg/l	0.01	0.002	0.002	0.006	<0.001
17.	Cyanide (Cn)	mg/l	0.07	<0.002	<0.05	<0.002	<0.05
18.	Lead/Plumbum (Pb)	mg/l	0.05	0.002	<0.001	0.003	<0.001
19.	Chromium (Cr)	mg/l	0.05	<0.001	<0.001	<0.001	<0.001
20.	Silver/Argentum (Ag)	mg/l	0.05	<0.002	<0.001	<0.002	<0.001
21.	Copper/Cuprum (Cu)	mg/l	1	0.001	0.001	0.002	<0.001
22.	Magnesium	mg/l	150	1.11	1.2	0.75	2.9
23.	Sodium/Natrium (Na)	mg/l	200	1	2.6	3	1.7
24.	Zinc (Zn)	mg/l	3	0.024	0.05	0.028	0.11
25.	Sulphate (SO4)	mg/l	250	22	21.5	7	37.2
26.	Mineral Oil	mg/l	0.3		<0.3		<0.3
27.	Phenol	mg/l	0.002		<0.002		<0.002

"Terdapat beberapa parameter di dalam kumpulan logam yang melebihi piawaian namun dengan kuantiti yang sedikit boleh dirawat oleh LPA. Kajian yang telah dijalankan oleh perunding yang dilantik oleh Luas pada 2012 juga menunjukkan secara keseluruhannya parameter logam berat adalah mematuhi had piawaian yang ditetapkan," katanya.

Menurut beliau lagi, berdasarkan laporan kualiti air mentah yang direkodkan oleh Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (Splash) pada Mac tahun ini dan pada waktu yang sama terdapat kerja-kerja pengepaman air dari kolam ke dalam Sungai Selangor dan tiada sebarang pelanggaran direkodkan bagi parameter logam berat.

"Ini dibuktikan melalui laporan kualiti air terawat yang menunjukkan semua parameter adalah had piawaian ditetapkan.

"Luas sentiasa menjalankan pemantauan bagi memastikan kualiti air mentah adalah mematuhi had piawaian yang ditetapkan untuk dirawat oleh LPA dan selamat untuk digunakan oleh pengguna," katanya.

Tambah beliau lagi, kolam-kolam sumber air alternatif telah pun dikenal pasti oleh Luas sejak 2009 lagi.

Pihak Luas bersama Jabatan Kesihatan Selangor telah menjalankan pensampelan air kolam alternatif sejak 2011 manakala analisis sampel-sampel air dari kolam alternatif berkenaan dijalankan oleh Jabatan Kimia.

Md Khairi turut menjelaskan, keputusan analisis pensampelan yang dikeluarkan oleh JKM bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah mematuhi kualiti air mentah yang disyorkan di dalam Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan oleh kementerian.



Jabatan Kimia mengesahkan kesemua bekas lombong yang digunakan untuk mengepam air ke empangan mengandungi plumbum di bawah paras dibenarkan Kementerian Kesihatan.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 14
TARIKH : 08 MEI 2014 (KHAMIS)

CUEPACS kecewa laporan produktiviti penjawat awam

KLUANG 7 Mei - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) kecewa dan menampik laporan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) yang menyatakan produktiviti penjawat awam hari ini semakin menurun.

Presidennya, Azih Muda berkata, laporan Pemandu kepada kepimpinan tertinggi negara itu itu tidak tepat kerana penanda aras yang digunakan hanya bersandarkan kepada faktor kadar upah yang diberikan dan ia hanya akan menyebabkan penjawat awam berasa terkilan.

"CUEPACS menafikan laporan itu dan kita tidak bersetuju dengan apa yang diperkatakan Pemandu kerana produktiviti penjawat awam pada hari ini jauh lebih baik berbanding dahulu, buktinya lihat kepada pengumuman kerajaan yang menyatakan perkhidmatan kesihatan negara kita berada pada tangga ketiga terbaik di dunia.

"Begitu juga dengan penarafan lima bintang kepada dua pihak berkuasa tempatan (PBT) baru-baru ini," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Agung ke-19 Kesatuan Pembantu Tadbir Pendidikan (Keptan) Cawangan Kluang, di sini hari ini.

Menurut Azih, laporan yang dikemukakan itu dibuat menerusi satu taklimat khas kepada kepimpinan tertinggi baru-baru ini, namun maklumat itu baharu sahaja 'bocor' kepada pihaknya semalam dan berharap pihak berkaitan dapat meng-

kaji semula kenyataan itu.

Mengulas lanjut, dakwa beliau, Pemandu membuat perbandingan mengenai gaji yang diterima penjawat awam ketika ini berbanding kadar upah yang diberikan sebelum ini.

"Kata mereka (Pemandu), dahulu kadar upah penjawat awam rendah tetapi produktiviti tinggi namun apabila ada peningkatan gaji, tahap produktiviti masih sama dan tidak menunjukkan peningkatan. Kita tidak faham mengapa perkara itu yang menjadi ukuran.

"Sebaliknya, Pemandu perlu turun ke bawah untuk melihat

cara kerja penjawat awam yang semakin hari berdepan tekanan dan mereka sepatutnya bukan hanya duduk di atas semata-mata untuk mengejar petunjuk prestasi utama (KPI)," tegasnya.

Dalam pada itu, CUEPACS menaruh harapan tinggi mengenai beberapa tuntutan yang dikemukakan pihaknya dalam Persidangan Majlis Perdana Perkhidmatan Awam (Mapa) yang akan diadakan di Putrajaya pada 10 Jun depan.

"Kita berharap kerajaan memberi perhatian segera terhadap tuntutan itu terutamanya tiga perkara penting iaitu penetapan gaji minimum kakitangan awam kepada RM1,200, penyalaraan elaun sara hidup (COLA) di semua kawasan dan penukaran status kuarters kerajaan kepada rumah sewa kerajaan," kata Azih.



AZIH MUDA